



اَبُو سَيِّدِي تَيْكُو الْكَلْبَانِي  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Bertam

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
YANG BERUSAHA  
PROF MADYA IR. DR. HAJI AHMAD RASHIDY RAZALI  
REKTOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG**

SEMPENA  
SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA PERINGKAT NEGERI  
PULAU PINANG (HASN)

DI  
PTAR, PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK,  
UiTM CPP KAMPUS BERTAM

PADA  
16 NOVEMBER 2022 / 21 RABIULAKHIR 1444H  
(RABU)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

**TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS.**

**Yang Berusaha Puan Sharifah Zakiah Syed Sahab**

Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang

**Yang Berusaha Encik Amir Heberd Abdullah**

Penolong Rektor

UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam

**Yang Berusaha Tuan Haji Rahmat Abu Nong**

Pengarah

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Negeri Pulau Pinang

**Yang Dihormati Leftenan Komander Fadhil Samsuddin**

Resident Naval Officer

Tentera Laut Diraja Malaysia, Pulau Pinang

Yang Berusaha Barisan Pengurusan, Ketua-Ketua Jabatan, wakil-wakil  
agensi, NGO dan rakan strategik

Barisan Jawatankuasa Penganjur HASN Pulau Pinang

Seterusnya Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum w.r.t.

Salam Keluarga Malaysia

Salam Keluarga UiTM

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد  
كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم  
وبارك على سيدنا محمد وعلى آل محمد  
كما باركت على آل إبراهيم إنك حميد مجيد

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas sifat Rahman dan Rahim-Nya jua, kita semua dikurniakan nikmat kesihatan dan kelapangan waktu untuk bersama-sama dalam Majlis Penutup Sambutan Hari Alam Sekitar (HASN) 2022 Peringkat Negeri Pulau Pinang pada pagi ini.
2. Pertamanya, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berusaha Puan Sharifah Zakiah Binti Syed Sahab, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang atas pemilihan Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam sebagai tuan rumah dalam penganjuran majlis penutup sambutan HASN 2022 pada hari ini.

3. Saya percaya UiTM CPP Kampus Bertam dipilih sebagai tuan rumah atas kebersamaan dan sinergi UiTM dengan Jabatan Alam Sekitar lebih-lebih lagi di sini juga terletak program Sains Kesihatan dan Farmasi selain daripada suasana sekeliling yang menghijau.
4. Banyak kerjasama di antara UiTM dengan pihak Jabatan Alam Sekitar sebelum ini memberi impak positif kepada pembangunan pelajar. Antaranya ialah Program pembersihan pantai di pantai Batu Feringgi, Program Bual Bicara Eksklusif berkaitan kewangan persekitaran oleh ahli ekonomi persekitaran terkemuka, Dr. Benoit Laplante dan baru-baru ini program kesedaran alam sekitar eco trail Bukit Bendera sempena Hari Ozon Sedunia dan Hari Alam Sekitar Negara (HASN 2022).
5. Harapannya selepas ini, dapat diteruskan lagi jaringan kerjasama dengan menandatangani memorandum persefahaman (MOU) di antara pihak UiTM dan Jabatan Alam Sekitar, InsyaAllah, sama-sama kita doakan untuk majlis bersejarah ini akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian

6. Isu alam sekitar seperti perubahan iklim, ancaman terhadap biodiversiti, perubahan suhu, dan kemusnahan alam sekitar sering menjadi perdebatan di seluruh dunia sejak sekian lama. Dunia kini mengalami peningkatan mendadak jumlah penduduk serta skala

eksploitasi alam bagi tujuan ekonomi yang semakin meruncing, agenda global untuk memperkukuhkan pelaksanaan konsep *sustainable development* atau pembangunan lestari menjadi semakin penting dan mendesak.

7. Di sini, saya ingin menyeru kita semua untuk sama-sama menyedari betapa besarnya impak semua perubahan persekitaran global ini, terhadap kehidupan manusia pada masa hadapan, yakni melibatkan generasi anak cucu kita di kemudian hari.

Hadirin yang dihormati sekalian

8. Dalam usaha memperkasa dan memperkukuhkan lagi usaha memelihara alam sekitar, UiTM Cawangan Pulau Pinang khususnya di Kampus Bertam ini telah melakukan beberapa *Green initiative* termasuk projek baja kompos dari sisa sayuran, projek pengumpulan sisa elektrik dan elektronik isi rumah (*e-waste*) dan projek kebun mini bagi memulihara dan melindungi alam sekitar.
9. Saya yakin banyak isu-isu alam sekitar akan dapat ditangani dengan berkesan melalui pendekatan meningkatkan kesedaran memulihara alam sekitar serta memberi pengiktirafan kepada pihak atau individu yang turut bersama-sama menjayakan usaha melestarikan alam sekitar.
10. Diharapkan inisiatif dari penganjuran program sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Negara (HASN) 2022 oleh Jabatan Alam Sekitar dengan pelbagai aktiviti seperti penanaman pokok bakau, program

pembersihan pantai, program eco-trail, program pemerhatian burung hijau, pertandingan video TikTok Alam Sekitar, pertandingan doodle, dan sebagainya dapat menyuntik kesedaran dalam memulihara alam sekitar bagi semua golongan termasuk agensi-agensi kerajaan dan swasta, para pelajar IPT dan sekolah serta orang awam.

11. Mudah mudahan dengan komitmen semua, kita dapat merealisasikan usaha UiTM terutama di UiTM Cawangan Pulau Pinang untuk membentuk ekosistem kampus lestari hijau UiTM yang holistik.

## **PENUTUP**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

12. Mengakhiri ucapan, setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang menjayakan program pada hari ini, semua wakil-wakil agensi, rakan strategik, pihak sekolah dan sudah tentunya pihak Jabatan Alam Sekitar sebagai penganjur utama. Terimalah serangkap pantun:

**Pergi ke kedai membeli bunga,  
Bunga dibeli cantik sekali,  
Alam sekitar perlu dijaga,  
Agar hidup sentiasa harmoni**

13. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih.